

HUKUM BERKAHWIN DENGAN KITABIYYAH

Masalah perkahwinan antara seorang lelaki Islam dengan wanita yang bukan Islam sudah lama diberi perhatian oleh undang-undang Islam. Ini kerana Islam menyedari adanya berbilang pengikut dari berbagai-bagai ugama dalam sebuah masyarakat. Persoalannya ialah wanita yang bukan Islam manakah dibolehkan berkahwin?. AlQuran dalam soal ini menggariskan yang bermaksud. . . ." pada hari ini dihalalkan bagi kamu memakan makanan-makanan baik dan makanan Ahli-l-Kitab adalah halal untuk kamu dan makanan kamu (orang-orang Islam) adalah halal untuk mereka dan wanita bibas dari kalangan Ahli-l-Kitab terdahulu daripada kamu, mereka itu adalah halal untuk kamu (halal mengahwini mereka)"¹ Oleh itu terjelas kepada kita bahawa wanita yang bukan Islam yang dibenarkan kahwin hanya wanita-wanita Ahli-l-Kitab atau Kitabiyyah.

Berdasar kepada ayat-ayat di atas kita dapati para sarjana undang-undang Islam atau lebih dikenali dengan Fuqaha berpendapat iaitu seorang lelaki Islam boleh mengahwini Kitabiyyah. Sebelum dari Fuqaha mengeluarkan pendapat mereka dalam masalah ini, kita dapati para-para sahabat Rasulu Allah-kecuali Abdullah Ibni Umar - telah pun bersepakat kata mengatakan bahawa perkahwinan dengan Kitabiyyah adalah boleh.² Ini diikuti dengan amalan setengah-setengah sahabat, seperti Talhah Ibni Ubaidillah, Othman Ibni Affan dan Huzaifah. Oleh kerana kuat hujjah-hujjah pihak yang berpendapat boleh mengahwini Kitabiyyah, Ibnu Almunzir ada memberi pandangannya dalam masalah ini. Ia mengatakan bahawa tidaklah boleh diterima kalau ada dari kalangan orang terdahulu (kalangan sahabat) yang berpendapat tidak boleh berkahwin dengan wanita seperti ini.³

¹ Al-Maidah ayat 5.

² Al-Sayed Sabiq "Fiqhul-Sunnah", Shaltut "Al-Fatawa". Mengikut mereka yang memboleh berkahwin, perkataan "Kitabiyyah" tidak termasuk dalam golongan wanita-wanita shirik yang dilarang berkahwin dengan mereka. Lihat muka 101, 277.

³ Al-Sayed Sabiq, ms. 101.

Apakah Rahsia disebolek pengharusan ini?

Pengharusan berkahwin dengan Kitabiyyah ini mempunyai rahsia besar dan mulia. Sayyiduna Umar, Khalipah Kedua, pernah menyuarakan tentang dalam perkahwinan antara lelaki Islam dengan Kitabiyyah, kecuali dengan satu tujuan yang besar dan mulia. Umpamanya dengan bertujuan menyatu paduan antara berbagai-bagai golongan yang berbeda ugama, fahaman dan sebagainya. Khalipah Kedua itu pernah mengeluarkan pendapat mengatakan perkahwinan antara lelaki Islam dengan Kitabiyyah adalah kurang baik (makruh) kalau laku wanita ini boleh menimbulkan tandatanya atau keraguan.⁴

Antara lain pengharusan juga bertujuan menghilang rintangan pemisah antara Ahli-l-Kitab dengan orang-orang Islam. Kerana ternyata dalam mana-mana perkahwinan ada mengandungi asas perhubungan yang kuat serta pendekatan antara satu sama lain. Jadi pertemuan begini sudah tentu membuka peluang keemasan untuk mengenali Islam dari segenap aspek secara prektis, atau dengan kata lain, perkahwinan seperti ini merupakan satu cara propaganda ke arah pertunjuk dan ugama yang direndai Tuhan.

Berbalik kepada perbincangan pendapat-pendapat, Ibni Umar mempunyai pendapat yang berlainan dari para sahabat-sahabat. Ia tidak bersetuju yang perkahwinan antara lelaki Islam dengan kitabiyyah itu boleh. Pada suatu ketika ia pernah ditanya tentang perkahwinan antara seorang lelaki Islam dengan seorang wanita beragama Keristian atau Yahudi. Ibnu Umar menjawab "Allah telah mengharam berkahwin dengan wanita Syirik dan aku tidak mengetahui ada penyengutuan yang lebih besar dari perkataan seorang perempuan "Tuhannya ialah Isa".⁵ Dari sini kita dapatkan pendapat Ibni Umar sebagai satu pendapat yang terkeluar dari jamaah teramai dari kalangan sahabat-sahabat seperti Othman, Talhah, Ibni Abbas, Jabir dan Huzaifah, dan pendapatnya juga dianggap terkeluar dari jamaah teramai dari kalangan

⁴ Ahmad Al-Husori "Al-Nikah Wa-l-Qadhaya Al-Mutaaliqah Bih" ms 446; Umar pernah berkata mereka-mereka yang mengahwini kitabiyyah: Ceraikan mereka itu" Mereka berbuat demikian, kecuali Huzaifah.

⁵ Al-Bukhari 9/343, Umdatul-Tafsir 4/88, Al-Jahhas 2/397.

Al-Tabiin seperti Saïd Ibni Al-Musyib, Al-Hasan, Mujahid, Taous, Ikramah, Al-Dhahhak dan para sarjana undang-undang diberbagai-bagai negara.

Ibnu Abbas, walaupun berpendapat sama dengan para-para sahabat lain dalam membolehkan perkahwinan dengan kitabiyyah, tapi ianya menimbang perkahwinan seperti ini dari dua segi; dari segi perkahwinan itu sendiri dan dari segi kebaikan masyarakat. Sekiranya salah satu dari kedua-dua segi ini tidak terlaksana, maka perkahwinan antara lelaki Islam dengan kitabiyyah tidak boleh. Kerana, mengikut pandangan Ibni Abbas, perkahwinan di masa/ketika seperti ini tidak berjaya mencapai tujuan pengharusan yang dimaksudkan.⁶ Al-Tabari menceritakan dari Ibni Abbas, katanya: antara wanita-wanita Ahli-l-Kitab mereka yang boleh kita kahwini dan sebaliknya ada pula mereka yang tak boleh kita kahwini". Kemudian ia (Ibni Abbas) membaca ayat Al-Quran yang bermaksud: . . .kamu hendaklah memerangi mereka yang tidak menegah apa yang ditegah oleh Allah dan RasulNya dan mereka yang tidak berugama dengan ugama kebenaran dari golongan mereka yang diutuskan Kitab, hinggalah mereka itu membayar jizyah . . ."⁷ Oleh itu nyata kepada kita bahawa kitabiyyah yang boleh dikahwini ialah mereka yang datang dari kalangan mereka yang tidak dibimbang atau ditakuti merbahaya kepada masyarakat orang-orang Islam. Ini dibuktikan dengan amalan dzahir mereka membayar jizyah (cukai kepala). Sementara golongan-golongan yang tidak dapat membuktikan taat setia, mereka tidak dibolehkan berkahwin.

Persoalan lebih rumit timbul dalam membuat definisi siapakah dia KITABIYYAH. Adakah ianya terhad kepada golongan yang mempunyai keturunan dari mereka yang diutuskan Kitab Suci, atau definisi ini mencakup ke semua golongan, sama ada mereka berketurunan dari kalangan mereka yang diutuskan kitab suci atau pun tidak, selama mana mereka itu beriman sepetimana iman ahli-l-kitab. Para Ulama dari Mazhab Shafie membuat penentuan bahawa kitabiyyah ialah orang Yahudi dan

⁶ Dr. Ahmad Abu Nour "Manhaj El-Sunnah Fi El-Zawa'j" ms 341.

⁷ Al-Tauhah ayat 29.

Nasara (Keristian) sahaja.⁸ Tapi penentuan ini tidak termasuk mereka yang mengikut ajaran Zabur, Pengikut-pengikut ajaran Shith, Idris dan Ibrahim. Dari sini tidaklah boleh mengahwini wanita dari kalangan pengikut ajaran-ajaran tersebut, sekalipun mereka itu tidak dianggap merbahaya. Kerana ajaran-ajaran mereka tidak diutus secara susunan yang boleh dibaca dan dipelajari. Pendapat ini mempunyai alasan Al-Quran yang bermaksud: Kamu semua ada mengatakan bahawa buku suci ada diturunkan ke atas dua golongan yang terdahulu daripada kamu yaitu Yahudi dan Nasara⁹ "Al-An'am 156. Ini bermakna pengikut ajaran Zabbur, Ibrahim Shith dan Idris tidak termasuk dalam definisi kitabiyyah. Pengertian ayat Quran di atas menunjukkan kepada kita bahawa wanita dari keturunan Bani Israiel menepati pengertian "kitabiyyah" yang dibolehkan berkahwin mengikut pandangan Ulama Shafie. Persoalan lain timbul: adakah wanita lain dari keturunan Bani Israiel, seperti ianya berketurunan Rome atau seumpamanya boleh dimasukkan ke dalam kategori kitabiyyah dengan erti kata lelaki Islam dibenarkan berkahwin dengan mereka. Pendapat terkuat dari Mazhab Shafie bersetuju membolehkan berkahwin dengan mereka dengan syarat diketahui asal keturunan mereka yang mula-mula ada beriman dengan ajaran Nabi Musa atau Isa, sebelum berlaku perubahan atau penyelewengan. Sebaliknya kalau keturunan pertama mereka tidak diketahui dalam masalah pegangan, mereka tiak dibolehkan berkahwin dengan wanita tersebut.¹⁰

Masalah ini ada sedikit sebanyak terlibat dengan masalah penukaran ugama selepas kedatangan Islam. Seperti seorang wanita menukar ugamanya dari budism kepada ugama keristian atau yahudi, yang mana penukaran itu dibuat bukan kepada ugama Islam. Al-Nawawi berpendapat: penukaran seperti ini tidak dianggap sah dari sisi Islam.¹¹ Selanjutnya kalaulah wanita ini dengan ugama barunya berkahwin dengan seorang lelaki Islam, perkahwinan mereka tidak dianggap sah. Dalam

⁸ Abi Zakaria Al-Nawawi "Raudhatu-l-Talibin" ms 135.

⁹ Al-An'am ayat 189.

¹⁰ "Raudhatu-l-Talibin" ms. 138.

¹¹ "Raudhatu-l-Talibin" ms 141.

peristiwa yang berlaku di Singapura dalam kes *Abd. Razak v. Maria Menado*¹² terdapat Maria Menado seorang wanita yang memeluk ugama keristian. Mahkamah dalam kes ini membuat keputusan bahawa perkahwinan antara Abd. Razak dengan Maria Menado adalah tidak sah. Keputusan ini sebenarnya bukan hanya melibat masalah perkahwinan, tapi ianya lebih melibatkan masalah penukaran ugama yang dibuat oleh Maria. Ringkasnya oleh kerana Maria bukan seorang yang berketurunan Bani Israel dan bukan pula dari keturunan mereka yang mengikut ajaran Injil atau Taurah sebelum dari kebangkitan Muhammad s.a.w., jadi ianya tidak dianggap sebagai seorang kitabiyyah, dan perkahwinannya dengan Abd. Razak adalah tidak sah. Keputusan Mahkamah Singapura ini seajar dengan Fatwa yang dikeluarkan di Pulau Pinang, yang mencatatkan ia itu hanya mereka yang datuk nenek mereka mengikut ajaran Nabi Musa atau Isa sebelum kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. dikatakan golongan Ahli-l-Kitab.¹³

Dalam kes lain, kes *Viswalingham v. Viswalingham*¹⁴ 24hb. Julai 1979, di mana dua suami isteri berasal dari pengikut ugama Hindu kemudian mereka menukar ugama dan menganut Keristian. Si suami kemudiannya menganut ugama Islam dan kemudiannya berkahwin dengan seorang wanita Islam. Isterinya yang pada ketika itu berada di England memohon perceraian dengan alasan, mengikut undang-undang Inggeris — ianya teranaya dan suaminya sudah berkahwin lain. Si suami dalam kes ini berhujjah iaitu apabila ia memeluk ugama Islam dan ianya telah meminta isterinya memeluk Islam, katanya mengikut Islam dengan penukarnya kepada ugama Islam isterinya dengan sendiri tercerai kerana ianya bukan seorang kitabiyyah. Hujjahnya ini berdasarkan kepada fatwa Mufti Wilayah Persekutuan ber-

¹² [1965] 1 MLJ XVI.

¹³ "Al-Nikah wa-l-Qadha'ah Al-Mutaaliqah Bihi" ms 440.

¹⁴ In The High Court of Justice, Family Division, No: 15785/77, 14th. March 1979. In The Supreme Court of Judicature, Court of Appeal, No: 15785/77, 24th. July 1979.

tarikh 6hb. March, 1978, . . .¹⁵ (. . . the marriage in question no longer subsists since Dr. Umar has embraced Islam" and his wife as not followed suit). Mahkamah tersebut dalam keputusan menganggap perkahwinan antara kedua pasangan itu masih ujud dan mengikut undang-undang negeri itu mahkamah ada hak memberar permintaan wanita tersebut untuk bercerai. Mahkamah itu juga membuat keputusan bahawa harta-harta kepunyaan si lelaki itu diserahkan kepada bekas isteri. Rayuan telah pun dibuat ke Mahkamah Rayuan tapi mahkamah ini menolak rayuan si lelaki dan mengesah keputusan Mahkamah Tinggi. Suatu perkara yang penting dalam kes ialah pihak mahkamah terpaksa menerima kenyataan bahawa hubungan antara bekas suami dengan isteri tidak lagi dapat berterusan. Ini bermakna pihak mahkamah tersebut menerima fatwa Mufti Wilayah. Persoalan sekarang bukanlah timbul di sekitar persoalan perkahwinan antara seorang lelaki yang baru memeluk ugama Islam dengan kitabiyyah. Tapi persoalan yang sebenar adalah berpunca dari samada pertukaran ugama dari ugama Hindu kepada ugama Keristian itu dianggap sah atau pun tidak. Saya percaya kiranya pertukaran ugama yang dibuat oleh Viswaningham itu sah, maka bentuk fatwa yang diberi akan bernada lain. Kita dapat lihat Al-Nawawi dalam bukunya "Raudhatu-l-Talibin" menganggap pertukaran seperti itu sebagai tidak sah. Abu Zahrah dalam bukunya "Al-Ahwal-ul-Shahsiah" berpendapat: apabila seorang suami memeluk ugama Islam dan isterinya masih berugama dengan ugama bukan ugama Ahli-l-Kitab, ia hendaklah mengajak isterinya memeluk ugama Islam, kalau ia (isteri) ikut, perkahwinan antara mereka berdua masih berterusan dan sebaliknya kalau ia enggan berbuat demikian, perhubungan mereka sebagai suami isteri diputuskan.¹⁶

Meskipun kita tidak dapat memberi kata sepakat dalam masalah perkahwinan antara lelaki Islam dengan wanita Ahli-l-Kitab (kitabiyyah), satu perkara yang tidak dapat kita nafikan iaitu

¹⁵ Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan bertarikh 6hb. Mac 1978, berikutan dari satu permohonan yang dibuat oleh Dr. Yaacob Marican bagi pehak bekas suami kepada yang merayu.

¹⁶ Abu Zahrah "Al-Ahwal-ul-Shahsiah" ms 286.

golongan yang membolehkan berkahwin mengasaskan pendapat mereka di atas bahawa seorang yang bakal menjadi suami kepada kitabiyyah adalah seorang yang mempunyai teraju dan kuasa dalam membentuk keluarga dan anak-anak dengan berdasarkan kepada lunasluhur dan maslahat yang tidak menyimpang dari Islam. Ini dapat dilihat dari perkahwinan para-para Sahabat, seperti Othman dengan Nailah (seorang Keristian), Huzaifah dengan seorang Yahudi dari golongan Al-Madain dan Saad Ibni Abi Waqaas. Dari sini perkahwinan antara mereka merupakan perutusan mahabbah dan saling faham memahami antara manusia yang berbida-bida ugama. Agar dengan budi-bicara si suami yang Islam akan dapat membuktikan segala keindahan yang terkandung dalam Islam secara direct dan praktikal.

Tetapi sebaliknya kalau si lelaki tidak lagi mengambilberat memikul tanggungjawab sebagai seorang yang mempunyai kuasa dalam rumahtangga, atau hanya menyerah segala urusan dirinya dan urusan anaknya kepada isteri membuat segala sesuatu mengikut kehendak dan akidahnya, sementara si lelaki hanya menjadi pak turut, ini bermakna berkahwin antara dua insan yang berbeda ugama tidak lagi menepati tujuan dan hikmat yang dimaksudkan. Contohnya ialah seperti mana yang sedang berlaku dalam masyarakat Islam sekarang. Perkahwinan antara lelaki Islam hanya didorong oleh rasa kagum yang luar biasa hingga membuat si lelaki turut merasa bangga dengan keturunan, cara hidup dan kadang-kadang dengan bawaan ugama si isteri. Lantaran itu si lelaki terus membiar anak-anak mereka pergi ke gereja bersama ibu mereka sesuai dengan nama-nama mereka yang tidak pernah dikenali sebagai nama orang-orang Islam. Selanjutnya ibu-ibu ini terus memupok mereka dengan didikan mengikut adat dan tradisi ugama mereka.

Kalau sedemikian rupa kedudukan kedudukan lelaki Islam yang berkahwin dengan kitabiyyah, tidakkah munasabah kalau kemudahan berkahwin dengan mereka disekat?¹⁷ Al-Imam Mahmud Shaltut berpendapat sudah sampai masanya berbuat

¹⁷ Mahmud Shaltut "Al-Batawa" ms 278–281.

demikian. Beliau mengesyurkan pihak yang berkuasa dalam sebuah negara Islam patut mengadakan peraturan menyekat perkahwinan seperti ini berlaku. Alasan yang diberi ialah kerana kebanyakan golongan lelaki yang berkahwin dengan kitabiyah tidak berjaya meletakkan isteri mereka di tempat yang boleh mendatangkan faedah kepada ugama, keluarga dan negara mereka. Sebaliknya si isteri yang berjaya meneruskan cara hidup dan amalan yang mereka amali pada masa sebelum perkahwinan tanpa menerima perubahan yang baik. Sementara jenerasi muda yang baru lahir dalam keluarga campuran mula terdidik dengan suatu didikan yang secara automatik jauh dari suasana-suasana sihat yang boleh menolong menegohkan keperibadiannya sebagai seorang jenerasi muda Islam. Atau dengan kata lain perkahwinan secara begini akan melahir jenerasi secara disedari atau tidak disedari lemah keperibadian dan pegangan ugama dan seterusnya akan membiak jenerasi yang terkemudian lebih lemah. Sedikit demi sedikit akan menghancurkan struktur sebuah masyarakat Islam.

Abdullah bin Abu Bakar*

*Tutor, Faculty of Law, University of Malaya

LEGISLATION

The following list of Acts passed in Malaysia is a continuation
of the list of Federal Acts contained in Vol. 6, Part 1 [1979]
J.M.C.L. 141-143.

FEDERAL ACTS PASSED

<i>Bil. Akta</i>	<i>Tajuk Ringkas/Short Title</i>
<i>Act No.</i>	
222	Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 1979. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Act, 1979.
223	Akta Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong), 1979. Special Pensions (Raja Permaisuri Agong) Act, 1979.

FEDERAL AMENDMENT ACTS

<i>Bil. Akta</i>	<i>Tajuk Ringkas/Short Title</i>
<i>Act No.</i>	
A458	Akta Acara Kewangan (Pindaan), 1979. Financial Procedure (Amendment) Act, 1979.
A459	Akta Mahkamah Rendah (Pindaan), 1979. Subordinate Courts (Amendment) Act, 1979.
A460	Akta Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan), 1979. National Sports Council of Malaysia (Amend- ment) Act, 1979.
A461	Akta Hakcipta (Pindaan), 1979. Copyright (Amendment) Act, 1979.